

29 NOV 1999

DR MAHATHIR PULANG KE IBU NEGARA

ALOR SETAR, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas pulang ke ibu negara dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini, pada pukul 2.45 petang.

Turut mengiringinya ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Mereka mengundi di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah, dekat sini, pada pukul 10.30 pagi.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden Umno berada di negeri ini sejak petang Sabtu lalu.

Beliau mengadakan lawatan termasuk ke pekan Naka, 40km dari sini, serta kawasan Parlimen Kubang Pasu, yang akan dipertahankannya pada pilihan raya kali ini.

Beliau dijadualkan berada di Bilik Gerakan ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra malam ini bagi mengikuti perkembangan keputusan pilihan raya umum ke-10.

-- BERNAMA

AFY JM PR